

1,000 warga UMS jayakan gotong royong


UB 9.8.2018 B2

KIRA-KIRA 1,000 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan program Gotong Royong Perdana 2018 yang berlangsung di sekitar UMS baru-baru ini.

Bertemakan 'Plogging: Pengalaman Kampus Hijau', ia merupakan inisiatif bersama Pusat Pengurusan EcoCampus dan Pejabat Canselori UMS.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Pengurusan EcoCampus, acara yang bermula kira-kira jam 2.30 petang itu dibahagikan kepada tiga zon pembersihan yang telah ditetapkan mengikut Jabatan, Fakulti, Institut dan Bahagian (JFPIB) UMS.

Kenyataan itu memaklumkan, ia antara lain dianjurkan bagi meningkatkan keprihatinan



RASID (dua kanan) turut bersama menjayakan Plogging Gotong Royong Perdana UMS.

dan komitmen keseluruhan warga UMS dan para pemegang taruh terhadap kelestarian, kebersihan dan keselesaan kampus.

Selain itu, ia bagi memupuk gaya hidup sihat, cergas dan ceria dalam kalangan warga UMS dan

para pemegang taruh, sekali gus mewujudkan dan terus mengekalkan persekitaran kampus UMS yang lestari, bersih, selesa, selamat, sihat dan ceria untuk semua.

Dalam masa yang sama, ia juga bagi mengeratkan lagi ikatan silaturahim

sesama warga UMS dan para pemegang taruh dari pelbagai latar belakang dan peringkat perjawatan.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail mewakili naib canselor UMS.

Pada program itu, Zon 3 yang terdiri daripada kawasan Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Sumber Alam, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Suksis, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, Pusat Rawatan Warga, Pusat Sukan, Palapes, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pusat Pengajian Pascasiswazah, Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Kolej Kediaman



SEKITAR Gotong Royong Perdana UMS.

Excellent diumumkan sebagai penerima pengiktirafan Sebutan Khas Naib Canselor UMS.

Zon itu dipilih selepas mendapat penilaian tertinggi berdasarkan jumlah kutipan sampah sarap, kedinamikan gotong-royong, etika gotong-royong dan indeks kegembiraan gotong-

royong.

Turut menjayakan program itu, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus Kueh Boon Hee dan Ketua Pejabat Canselori UMS Stella@Nurul Martini Gontol.

Untuk rekod, *plogging* merupakan satu trend terbaharu seantero

dunia yang menyaksikan para pencinta alam menggabungkan larian dengan tindakan mengutip sampah sepanjang laluan.

Perkataan *plogging* adalah gabungan perkataan 'jogging' (lari-lari anak) dan 'plocka upp' yang bermaksud mengutip dalam bahasa Sweden.